

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

HIT 302 - Kesenian dalam Islam

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg

(3 Jam)

ARAHAN:

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TIGA(3) Bahagian A, B dan C.

Jawab ENAM(6) soalan.

Setiap Bahagian hendaklah diikat secara berasingan.

Jangan lupa menulis angka giliran anda pada setiap buku jawapan dan setiap Bahagian.

BAHAGIAN A - Jawab DUA(2) Soalan sahaja

WAJIB

1. Manusia dikatakan makhluk kebudayaan, kerana ianya berakal. Tuliskan nota ringkas mengenai peranan empat(4) daripada konsep-konsep berikut di dalam membentuk dan mencorakkan kebudayaan. Penekanan perlu diberi kepada salah satu cabang kebudayaan yang berkaitan.

- (a) Tauhid
- (b) Rohani dan fitrah
- (c) Taklif dan khilafah
- (d) Sebab akibat di dalam konteks sejarah
- (e) Akhlak dan keindahan

SAMA ADA

2. Bezakan di antara "senske art" dengan "ideational art". Jelaskan kenapakah naturalisme dianggap bercanggah dengan perspektif Islam. Huraikan bagaimana para seniman Islam di peringkat awal menyelesaikan masalah ini melalui karya-karya mereka.

ATAU

3. Merujuk kepada seni suara, bezakan di antara "fenomena yang wujud" di Malaysia masa kini dengan "apa yang semestinya" dari perspektif Islam. Teguhkan pendapat anda dengan bersandarkan pendapat-pendapat yang representatif.

BAHAGIAN B - Jawab DUA(2) Soalan sahaja

WAJIB

4. Bagaimanakah anda hendak mentakrifkan "senibina Islam" sehingga jelas perbezaannya dari "senibina-senibina lain"? Tumpukan kepada keistimewaan-keistimewaan yang hanya terdapat padanya.

SAMA ADA

5. Bolehkah mana-mana yang di bawah ini dianggap sebuah "senibina Islam"? Hujahkan! Pilih SATU(1) sahaja:
 - i. Bangunan Stesyen Kereta Api, Kuala Lumpur;
 - ii. Kompleks Dayabumi, Kuala Lumpur;
 - iii. Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

ATAU

6. Apakah persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan yang terdapat di antara masjid-masjid Negeri/Negara di Malaysia dengan masjid-masjid yang terawal di dalam Islam. Apa pendapat anda mengenai perbezaan yang wujud. (Tumpukan kepada SATU(1) masjid Negeri/Negara sahaja).

BAHAGIAN C - Jawab DUA(2) soalan sahaja

7. Huraikan secara umum perkembangan kesusasteraan Islam sejak dari awal dengan memberi perhatian kepada karya-karya penting dalam kesusasteraan itu.
8. Dalam kesusasteraan Islam lambang-lambang memainkan peranan penting bagi menyampaikan mesej keagamaan. Tunjukkan kepentingan lambang-lambang tersebut dan berikan makna-makna beberapa darinya.

9. Sastera Melayu adalah sebahagian dari sastera Islam. Bagaimana anda menilai sastera Melayu/Islam berbanding dengan sastera Islam yang lain seperti sastera Islam Arab dan sastera Islam Parsi.

-ooo000ooo-